

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga :
PPN. SEL. 02/2021

(Kew. 284-Pin. 2/94)

**Kerajaan Malaysia
(Arahan Perbendaharaan 170)
Negeri Selangor Darul Ehsan
SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama dan Alamat Syarikat) :	Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh Jabatan (Alamat Lengkap): JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR TINGKAT 4, BANGUNAN DARUL EHSAN, NO. 3 JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40632 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Telefon :	No. Telefon : 03-55189888
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	No. Faksimili : 03-55105044
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan	Tarikh : 19 Mac 2021
Dengan perkhidmatan ini: 070201	

- Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
 - Syarat Penyerahan/Penyempurnaan: **Seperti di dalam Dokumen Sebut Harga.**
 - Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki : **30 September 2021.**
 - Sila sertakan salinan Pendaftaran Kementerian Kewangan SSM yang diakui masih sah dan penyata bank 3 bulan terkini bersama-sama tawaran.
 - Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri/bermetri dan bertanda No. Sebut harga: **PPN. SEL. 02/2021**
 - Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **25 Mac 2021**, jam **12.00 tengah hari.**
 - Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : **18** Mac 2021

Tandatangan :

Nama Pegawai : **ANUAR JUHADEE BIN MOHD NORDIN**
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jawatan Pertanian Negeri Selangor

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan Dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1	<p>Membekal Dan Menghantar Anak Pokok Durian Kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor</p> <p>Menyediakan Polisi Insurans 'Contractor All Risk' dan Polisi Insurans Pekerja serta Nombor Pendaftaran seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat sebutharga.</p>	N/A	N/A	N/A	N/A
2	<p>Mobilization and Demobilization</p> <p>Pengangkutan untuk penghantaran anak pokok durian ke Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Langat dan Hulu Selangor serta memungkah dan menyusun kepada daerah tersebut.</p> <p>Penghantaran ke daerah terpilih secara berkala (sila rujuk lampiran A3)</p>	L/S			
3	Menyediakan laporan bergambar dan tarikh semasa dan selepas kerja-kerja dijalankan. Salinan hardcopy dan salinan <i>softcopy</i> di dalam pemacu simpanan USB serta lain-lain kerja yang berkaitan	nos	1	100	100
4	<p>KANDUNGAN SPESIFIKASI YANG DIPERLUKAN:</p> <p>a) Anak Pokok Durian Musang King (D 197):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis pembiakan mata tunas • Minimum ketinggian anak pokok 3 kaki dari mata tunas dan umur pokok 6 bulan selepas dicantum • Minimum bilangan daun sebanyak 10 helai • Saiz Polibeg minimum 10" x 10" • Pokok mestilah bebas penyakit dan serangga perosak tanaman • Pengesahan bahan tanaman/ jaminan kualiti benih dari pengeluar perlu disertakan • Jaminan pokok, 2 minggu selepas tarikh penerimaan <p>b) Anak Pokok Durian Duri Hitam (D 200):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis pembiakan mata tunas • Minimum ketinggian anak pokok 3 kaki dari mata tunas dan umur pokok 6 bulan selepas dicantum • Minimum bilangan daun sebanyak 10 helai • Saiz Polibeg minimum 10" x 10" • Pokok mestilah bebas penyakit dan serangga perosak tanaman • Pengesahan bahan tanaman/ jaminan kualiti benih dari pengeluar perlu disertakan • Jaminan pokok, 2 minggu selepas tarikh penerimaan <p>c) Anak Pokok Durian (D2):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis pembiakan mata tunas • Minimum ketinggian anak pokok 3 kaki dari mata tunas dan umur pokok 6 bulan selepas dicantum • Minimum bilangan daun sebanyak 10 helai • Saiz Polibeg minimum 10" x 10" • Pokok mestilah bebas penyakit dan serangga perosak tanaman • Pengesahan bahan tanaman/ jaminan kualiti benih dari pengeluar perlu disertakan • Jaminan pokok, 2 minggu selepas tarikh penerimaan 	Pokok	387		
		Pokok	538		
		Pokok	56		

5	<p>d) Anak Pokok Durian (D24):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis pembiakan mata tunas • Minimum ketinggian anak pokok 3 kaki dari mata tunas dan umur pokok 6 bulan selepas dicantum • Minimum bilangan daun sebanyak 10 helai • Saiz Polibeg minimum 10" x 10" • Pokok mestilah bebas penyakit dan serangga perosak tanaman • Pengesahan bahan tanaman/ jaminan kualiti benih dari pengeluar perlu disertakan <p>e) Anak Pokok Durian (D99):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis pembiakan mata tunas • Minimum ketinggian anak pokok 3 kaki dari mata tunas dan umur pokok 6 bulan selepas dicantum • Minimum bilangan daun sebanyak 10 helai • Saiz Polibeg minimum 10" x 10" • Pokok mestilah bebas penyakit dan serangga perosak tanaman • Pengesahan bahan tanaman/ jaminan kualiti benih dari pengeluar perlu disertakan <p>Pembekal diwajibkan menghantar dokumen sebut harga secara manual dan dimasukkan kedalam peti sebut harga di:</p> <p>JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR TINGKAT 4, BANGUNAN DARUL EHSAN, NO. 3 JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40632 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN</p> <p>Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, SSM serta Sijil Kontraktor Bumiputera.</p>	Pokok	73		
		Pokok	260		
				JUMLAH	

NOTA/PERHATIAN:

*Jaminan pengeluar terhadap anak pokok adalah 2 minggu daripada tarikh penerimaan.

*Semua rungan borang ini hendaklah diisi dengan selengkapnya. Borang yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

*Kerja-kerja di atas hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR

***Harga yang diletakkan mestilah telah mengambil kira kos pengangkutan, kos tenaga buruh untuk kerja-kerja mengalih, menghantar, memunggah dan menurunkan bahan serta menyusun di lokasi penghantaran mengikut daerah yang terlibat**

*Pihak kontraktor perlu berhubung dengan pihak daerah 3 hari sebelum melaksanakan penghantaran.

RINGGIT MALAYSIA (dengan perkataan) :

Sila rujuk muka surat sebelah

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih ; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah:- _____ 2021

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebut Harga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

Tarikh :

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan serta SST.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi dengan persetujuan pegawai pengawal.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **PPN. SEL. 02/2021** serta tajuk sebut harga **Membekal Dan Menghantar Anak Pokok Durian kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi2021

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM30 (Ringgit Malaysia : Tiga puluh sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

-
- Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga
 - Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butirbutir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah notanota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butirbutir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya. *
- 3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undangundang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
- (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

*Potong jika tidak diperlukan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerjakerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4, 3 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja/bekalan/perkhidmatan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (d) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden/sebut harga dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. ~~TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)~~

- ~~12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan tempoh waranti ke atas alat-alat adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (12) bulan boleh dikenakan.~~
- ~~12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.~~

~~12.3~~ Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantung pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

LOKASI DAN JADUAL PENGHANTARAN

BIL	PERIHAL BARANG-BARANG/ PERKHIDMATAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS	SABAK BERNAM	KUALA SELANGOR	HULU LANGAT	HULU SELANGOR	JUMLAH
1	Durian Musang King (D197)	96	216	75	-	387
2	Durian Duri Hitam (D200)	32	216	40	250	538
3	Durian (D2)	-	56	-	-	56
4	Durian (D24)	-	8	65	-	73
5	Durian (D99)	-	-	10	250	260
	JUMLAH KESELURUHAN					1,314

MAKLUMAT KONTRAKTOR

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

BORANG MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

1. Nama :
2. Alamat :
.....
.....
3. No. Telefon : No. Fax :

**PENDAFTARAN DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)
DAN /ATAU
KEMENTERIAN KEWANGAN
(Sertakan Salinan Pendaftaran)**

- (i) No Pendaftaran :
- (ii) Tarikh Daftar :sah sehingga
- (iii) Kelas Dan Tajuk/Tajuk Kecil :
- (iv) Taraf (Bumiputra/Bukan Bukan Bumiputera) :
- (vi) Jika Bumiputera,tempoh sah taraf : Dari sehingga
4. Bagi Syarikat Sdn.Bhd. nyatakan :
- (i) Modal dibenarkan : RM
- (ii) Modal dibayar : RM
5. Perniagaan utama lain,jika ada :
- (a) sejak
- (b) sejak

PEMEGANG SYER / SAHAM SYARIKAT

Ahli-ahli lembaga pengarah :

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL DIPEGANG

Ahli-ahli lembaga pengarah (sambungan)

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL DIPEGANG

Ahli-ahli pengurusan

NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKEDEMIK

SENARAI KERJA YANG SEDANG DILAKSANAKAN

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja. Syarikat boleh melampirkan salinan tawaran kerja yang telah diterima)

Nama Projek	Jabatan/Agensi/ Perunding yang mengawasi projek	Harga Kontrak (RM)	Tempoh (T/B)	Peratusan kemajuan Semasa

SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja. Syarikat boleh melampirkan salinan tawaran kerja yang telah diterima)

Nama Projek	Jabatan/Agensi/ Perunding yang mengawasi projek	Harga Kontrak (RM)	Tempoh (T/B)	Peratusan kemajuan Semasa

SENARAI PERALATAN YANG DIMILIKI

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

BIL	JENIS PERALATAN	BILANGAN PERALATAN

MAKLUMAT BERKAITAN DENGAN PROJEK

(Maklumat perlu diisi dengan lengkap. Lampiran hanya dibenarkan apabila ruangan tidak mencukupi sahaja)

- Maklumat projek adalah maklumat-maklumat tambahan yang boleh membantu penilaian maklumat berkaitan dengan atau kelebihan syarikat yang berkaitan dengan projek sahaja.
- Contoh : Memenangi pertandingan, mempunyai pekerja mahir dan berpengalaman, pengedar tunggal sesuatu barang, mempunyai lesen/kepakaran khas sesuatu perkara dan sebagainya.

BIL	PERKARA

SURAT AKUAN PEMBIDA

Pengarah
Jabatan Pertanian Selangor
Tingkat 4, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40632 Shah Alam
Selangor

Tuan,

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ANAK POKOK DURIAN KEPADA JABATAN
PERTANIAN NEGERI SELANGOR**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat _____
mengambil bahagian dalam sebutharga **MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ANAK POKOK DURIAN KEPADA
JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR**. Harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah berjumlah
RM _____.

2. Syarikat sebagai Petender/penyebutharga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat Tender, kontrak dan spesifikasi yang terkandung dalam Dokumen Sebutharga. Syarikat juga telah memahami bahawa Jabatan Pertanian berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.
3. Syarikat bersetuju bahawa harga sebutharga yang ditawarkan ini sah laku (*valid*) selama sembilan puluh hari (90) daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebutharga ini dan meminda harga.
4. Selanjutnya sekiranya sebutharga syarikat ini diterima, syarikat akan mengikat suatu kontrak dengan Kerajaan. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas pembekalan/perkhidmatan yang dibuat kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor setelah pembekalan tersebut disahkan oleh unit yang bertanggungjawab di Jabatan Pertanian Negeri Selangor.
5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa Dokumen Sebutharga yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenarnya diperolehi oleh syarikat ini.

(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama: _____
No. Kad Pengenalan: _____
Jawatan: _____
Alamat: _____

Nama Saksi: _____
No. Kad Pengenalan: _____
Jawatan: _____
Alamat: _____

SURAT AKUAN PEMBIDA

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ANAK POKOK DURIAN KEPADA JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR

Saya,..... nombor K.P..... yang mewakili

(Nama Syarikat).....

nombor Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana

individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pertanian Negeri Selangor** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pertanian Negeri Selangor** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No.K.P :

Cop Syarikat :

SENARAI SEMAK DOKUMEN

BIL	PERKARA	SEMAK
1	Salinan lesen Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian/ Kewangan/ CIDB/SSM	
2	Harga tawaran diisi dengan lengkap dan ditandatangani	
3	Maklumat Kontraktor diisi dengan lengkap	
4	Senarai kerja yang sedang dilaksanakan diisi dengan lengkap	
5	Senarai kerja yang telah dilaksanakan diisi dengan lengkap	
6	Senarai peralatan diisi dengan lengkap	
7	Maklumat berkaitan dengan projek diisi dengan lengkap	
8	Lampiran yang berkenaan disertakan <ul style="list-style-type: none"> i. Katalog ii. surat jaminan pengeluaran iii. Sijil/surat pengesahan benih tanaman daripada Jabatan Pertanian iv. Pengalaman pembekalan berkaitan (jika ada) v. Lain-lain 	
9	Salinan penyata kewangan syarikat bagi 3 bulan yang terkini (Disember 2020, Januari 2021 dan Februari 2021)	